



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 12 FEBRUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	RM30 JUTA UNTUK PROJEK KEBUNITI, NASIONAL, SH -14 'KOS BELANJA JIMAY RM110 SEBULAN', NEGARA, KOSMO -17 KERAJAAN SEDIA RM30 JUTA LAKSANA PROGRAM KEBUNITI, NASIONAL, BH -7 MAFI AKUI HARGA SAYUR-SAYURAN MENINGKAT SEPANJANG PKP, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	DEDAH HASIL UJIAN SAMPEL AIR, NEGERI P. PINANG/KEDAH, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9. 10.	DAGING KERBAU RM4.28 JUTA DIRAMPAS, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -24 DAGING KERBAU RM4.2 JUTA DISITA, NEGARA, KOSMO -2 DAGING KERBAU RAGU RM4.3J DIRAMPAS, LOKAL, HARIAN METRO -2 MAQIS SEIZES RM4.2M FROZEN BUFFALO MEAT, NEWS/NATION, NST -10 LEBIH 335 TANDAGING KERBAU DARI INDIA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11. 12. 13. 14.	SALAHUDDIN SEDIA BERI KERJASAMA, LAPOR SPRM, NASIONAL, BH -16 BAJA KOMPOS LEBIH PRAKTIKAL, SELAMATKAN ALAM SEKITAR, GAYA ALAM, UM -26 PESAWAH PERLIS RUGI RM360 JUTA, DALAM NEGERI, UM -10 HASIL MEROSOT 50 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# RM30 juta untuk Projek Kebuniti

Pelaksanaan fasa kedua projek itu beri manfaat kepada 27,524 individu dan 1,046 komuniti seluruh negara

Oleh TUAN BUQHAIHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

**PUTRAJAYA**

**S**ebanyak RM30 juta peruntukan disalurkan kepada Projek Kebuniti di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) Pertanian Bandar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pelaksanaan fasa kedua projek itu memberi manfaat kepada 27,524 individu dan 1,046 komuniti di seluruh negara.

“Dengan pakej bantuan input pertanian seperti benih, baja dan



Ronald (kiri) bersama Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kanan) dan tetamu yang melawat tanaman sayur-sayuran selepas melancarkan Pelepasan Khidmat Aghhan Bantuan Penjana Pertanian Bandar di Putrajaya pada Khamis.

peralatan, ia telah membantu individu terutamanya di bandar mendapatkan bekalan sayur,” katanya ketika sidang akhbar sempena pelancaran Pelepasan Khidmat Aghhan Bantuan Penjana Pertanian Bandar di kementerianannya di sini pada Khamis.

Beliau berkata, pelaksanaan tersebut berjaya membantu perbelanjaan sekurang-kurangnya RM110 keluarga setiap bulan.

“Sambutan permohonan amat menggalakkan pada fasa pertama tahun lalu iaitu telah menerima 42,370 per-

mohonan. Jadi, RM30 juta itu tidak mencukupi,” katanya.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan Projek Kebuniti, kawasan lapang di taman perumahan dijadikan tapak untuk menanam sayur keperluan sendiri.

“Jika ia dilaksanakan oleh komuniti, pulangan hasil pertanian itu adalah lebih baik,” katanya.

Ronald berkata, input pertanian yang diagihkan kepada penerima berupa pasu, baja, pelbagai benih sayuran serta baja.

“Penerima boleh merujuk kepada Facebook Jabatan Pertanian bagi mendapatkan maklumat lengkap kaedah pemasangan peralatan input dan teknik penanaman yang telah disediakan,” katanya.

Pada majlis itu, sebanyak 536 input pertanian diadarkan kepada 536 penerima di 11 kawasan Parlimen Kuala Lumpur.

“Kita harap semua penerima akan segera menggunakan alatan yang telah diberikan dengan sebaiknya,” kata Ronald.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2021	KOSMO	NEGARA	17

# 13,524 individu, 632 komuniti nikmati manfaat Projek Kebuniti 'Kos belanja jimat RM110 sebulan'

Oleh SUBKHI SUDARJI

**PUTRAJAYA** - Projek Kebuniti yang disertai individu dan komuniti di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) mampu mengurangkan kos perbelanjaan keperluan harian bagi setiap isi rumah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, setiap peserta yang mengikuti program itu boleh menjimatkan kos perbelanjaan kira-kira RM110 sebulan.

Beliau berkata, setiap individu dan komuniti diberikan pakej bantuan input pertanian seperti benih, baja dan peralatan kepada individu dengan nilai RM500 manakala RM50,000 bagi setiap komuniti.

"Bagi tahun lalu sahaja, sebanyak 42,370 permohonan diterima dengan sejumlah RM7.23



**RONALD** (tengah) bersama Timbalan Menteri 1, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kanan) melihat pameran tanaman sayur di Wisma Tari, Putrajaya semalam.

juta telah dibelanjakan untuk memberi manfaat kepada 13,524 individu dan 632 komuniti.

"Melalui program seumpama ini, peserta tidak perlu membeli sayur-sayuran di pasar, secara tidak langsung akan mengurangkan kos perbelanjaan hampir RM110 sebulan dalam keadaan pandemik Covid-19 ketika ini," jelasnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pelepasan Khidmat Agihan Bantuan Pelajana Pertanian Bandar kepada kumpulan penerima terakhir seramai 536 individu dari sekitar Wilayah Persekutuan memabitkan 11 Parlimen di sini semalam.

Ronald berkata, pada tahun ini sejumlah RM30 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi meneruskan Projek Kebuniti ini dalam usaha kerajaan meredakan beban rakyat.

# Kerajaan sedia RM30 juta laksana program Kebuniti

Inisiatif manfaat, bantu ringan beban 27,524 individu, 1,046 komuniti

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan memperuntukkan RM30 juta di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi Program Kebun Komuniti atau Kebumiti.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata program pertanian bandar itu bakal memberikan manfaat kepada 27,524 individu dan 1,046 komuniti di seluruh negara.

Beliau berkata, program yang dilaksanakan sebelum ini mendapat sambutan menggalakkan, terutama masyarakat bandar dan luar bandar untuk mengusahakan tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran.

"Pihak Kementerian berharap program ini akan memberi manfaat kepada golongan terbahit, se-



**Kiandee (tengah)** bersama Ahmad (kanan) melihat sayuran pada Majlis Pelepasan Khidmat Agihan Bantuan PENJANA Pertanian Bandar di Wisma Tani Putrajaya, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

kali gus membantu meringankan beban keluarga ketika menghadapi pandemik COVID-19.

"Menerusi program ini, peserta dapat menjimatkan RM110 setiap bulan daripada membeli sayuran di pasar," katanya selepas Majlis Pelepasan Khidmat Agihan Bantuan PENJANA Pertanian Bandar di Kementerian, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Kiandee berkata, Kementerian juga sudah membuat edaran kepada 536 penerima akhir di sekitar Kuala Lumpur membolehkan 11 Parlimen.

Beliau berkata, sebanyak 42,370 permohonan diterima Kementerian itu membolehkan peruntukan

RM10 juta pada tahun lalu.

"Daripada jumlah itu, seramai 13,524 individu dan 632 komuniti menerima manfaat berkenaan. Melalui program ini, kerajaan menyediakan peruntukan RM500 bagi individu, manakala RM5,000 untuk komuniti terpilih merangkumi kelengkapan seperti pasu, benih, baja, peralatan tanaman dan khidmat nasihat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## MAFI akui harga sayur-sayuran meningkat sepanjang PKP



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr. Ronald Kiandee (tengah) melihat tanaman sayur-sayuran pada Majlis Pelancaran Khidmat Agihan Bantuan Penjana Pertanian Bandar di Wisma Tani, Putrajaya. Foto HAZROL ZAINAL, 11 FEBRUARI 2021.

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak menafikan berlaku kenaikan harga sayur-sayuran sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara kecuali Sarawak mulai 16 Januari lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bagaimanapun berkata, kenaikan itu tidak terhad kepada sayur-sayuran sahaja, bahkan komoditi lain juga turut mengalami kenaikan harga akibat beberapa faktor.

"Soal kenaikan harga apa juga komoditi termasuk sayur-sayuran, ikan, daging, ayam dan sebagainya berpandukan kepada pelbagai faktor terutamanya faktor pembekalan.

"Jadi ayam kalau harga bahan makanan (naik) ia akan mempengaruhi harga pasaran apa juga komoditi.

"MAFI terlibat sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk melihat pergerakan harga barang-barang terutama di bawah industri agro makanan ini," katanya kepada pemberita di Wisma Tani, hari ini.



Datuk Dr. Ronald Kiandee (dua kanan) diiringi timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua kiri) melakukan gimik penyerahan bantuan pada Majlis Pelancaran Khidmat Agihan Bantuan Penjana Pertanian Bandar di Wisma Tani, Putrajaya. Foto HAZROL ZAINAL, 11 FEBRUARI 2021.

Terdahulu Ronald menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelepasan Khidmat Agihan Bantuan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Pertanian Bandar kepada syarikat penghantaran City-Link Express (M) Sdn Bhd di kementeriannya.

Dalam pada itu, Ronald berkata, walaupun harga sayur-sayuran di pasaran meningkat, namun bekalan bahan makanan itu mencukupi sepanjang tempoh PKP 2.0.

"Kita ingin melihat industri sayur-sayuran ini berjalan tanpa gangguan ketika Covid-19 dan itu satu kenyataan.

"Kita ingin memastikan bekalan sayur-sayuran kekal, stabil dan tidak terganggu

"Memang sedemikian berlaku, tiada kekurangan dari segi bekalan, bukan sahaja sayur-sayuran, bahkan hampir semua bekalan makanan yang perlu bagi rakyat Malaysia," katanya lagi. – MalaysiaGazette

12/2/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
P.PINANG/  
KEDAH

27

# Dedah hasil ujian sampel air

Gesa JAS segera siasat kes ikan mati di Sungai Perai

Oleh SYAJARATULHUDA  
MOHAMAD ROSLI

GEORGTOWN

**P**ersatuan Pengurusan Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan segera mendedahkan hasil ujian sampel air susulan kejadian ribuan ikan mati di Sungai Perai dalam kejadian pada Selasa.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, pihaknya kesal dengan kejadian tersebut dan mahu JAS menjalankan siasatan serta mengenal pasti punca sebenar kejadian itu.

Menurutnya, kejadian tersebut dilihat amat serius selain menimbulkan



CAP menggesa JAS segera menjalankan siasatan ke atas kes ribuan ikan mati di Sungai Perai.

kebimbangan dalam kalangan orang ramai kerana ribuan ikan yang mati merupakan sumber makanan mereka.

“Kita menggesa supaya pihak JAS mengambil tindakan undang-undang yang tegas di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap mereka yang didapati terlibat kerana kes ini amat serius.”

“CAP juga percaya

jiaka masalah ini berlarutan, ia bukan sahaja boleh menyebabkan ikan di dalam sungai tersebut pupus dan menjejaskan sumber perolehan nelayan tempatan malah akan merebak ke laut berhampiran serta mengancam pembiakan kerang di kawasan itu,”

katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, pihaknya tidak mahu nasib Su-

ngai Perai menjadi seperti Sungai Juru yang mana ikan, udang dan kerang mati kerana diancam pencemaran sisa toksik dari kawasan perindustrian berhampiran.

“Oleh itu, pihak berkuasa berkaitan perlu memberi perhatian serius terhadap masalah ini dan menjadikan Sungai Perai sebagai lokasi tumpuan kerana ia terdedah serta mudah tercemar oleh pel-



MOHIDEEN

bagai bahan buangan berbahaya.

“Kita juga meminta Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB) meluluskan pemantauan secara menyeluruh bagi memastikan kilang-kilang industri di sepanjang sungai tersebut mematuhi segala peraturan yang termaklumb di bawah undang-undang sedia ada,” katanya.

Mohideen berkata, pihaknya turut menyokong cadangan Ketua Pengarah JAS, Norlin Jaafar agar Akta Kualiti

Alam Sekeliling 1974 dipinda bukan sahaja meningkatkan jumlah penalti maksimum dari RM500,000 kepada RM10 juta malah memberi lebih kuasa kepada agensi itu untuk bertindak di luar waktu pejabat.

Tambahnya, CAP sebelum ini menerima banyak rungutan orang ramai berhubung beberapa kilang industri yang membuang sisa buangan selepas waktu pejabat bagi mengelak dikesan dan diambil tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Pada Rabu, ribuan ikan dilaporkan mati di Sungai Perai, di sini dipercayai berpunca daripada pelepasan air tidak terawat daripada sebuah kilang berhampiran.

Ahli MBSB, David Marshel berkata, pihaknya menerima laporan daripada penduduk di Taman Kimsar, di sini petang Selasa selepas melihat ribuan ikan timbul.

12/2/2021

SINAR  
HARIANMAHKAMAH &  
JENAYAH

24

# Daging kerbau RM4.28 juta dirampas

Guna logo halal tidak diiktiraf pihak berkuasa Malaysia

Oleh SYAJARATULHUDA  
MOHAMAD ROSLI

**BUTTERWORTH**

**J**abatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas kerbau sejuk beku dari India dalam pemeriksaan selama tiga hari bermula Isnin hingga Rabu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, pihaknya menahan 12 kontena yang berisi daging kerbau sejuk beku seberat 335,914 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM4.28 juta di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini pada jam 5:30 petang.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan dagangan tersebut menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa Malaysia.

"Kesemua kontena yang membawa produk ruminan itu



Sebanyak 12 kontena membawa daging kerbau sejuk beku dari India bernilai RM4.28 juta ditahan di NBCT pada Isnin Minggu Rabu.

ditahan untuk tindakan selanjutnya.

"Penggunaan logo yang menggelirakan akan disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Aktá 728] iaitu mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirakan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Jelasnya, jika disabitkan ke-

salahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dihukum penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar, serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan," katanya.

12/2/2021

KOSMO

NEGARA

2



SEORANG penguat kuasa Maqis memeriksa daging kerbau bernilai RM4.2 juta di NBCT Seberang Perai.



SEBANYAK 17,370 kotak berisi daging kerbau sejuk beku seberat 335,914 kilogram disita Maqis ekoran penggunaan logo halal tidak diiktiraf sejak Isnin lalu.

336 tan barangan sejuk beku dari India dikesan guna logo halal tak diiktiraf

## Daging kerbau RM4.2 juta disita

Oleh SYALMIZI HAMID

**SEBERANG PERAI** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menyita hampir 336 tan daging kerbau sejuk beku bernilai lebih RM4.2 juta di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini sejak Isnin lalu.

Produk dari India tersebut dirampas ketika cuba dibawa masuk ke NBCT melalui 12 buah kontena dalam tempoh tiga setengah minggu lalu kerana kesalahannya membabitkan penggunaan logo halal yang tidak diiktiraf.

Difahamkan, rampasan itu melibatkan beberapa pengeksport berhaluan dari negara itu berdasarkan borang Kastam beza yang dihantar kepada dua pengimport di negara ini.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan yang dijalankan pihaknya mengenai 17,370 kotak berisi daging kerbau sejuk beku menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa.

"Berat keseluruhan daging itu ialah 335,914 kilogram yang dianggarkan bernilai RM4,277,912. Kita merampas kesemua daging kerbau tersebut untuk tindakan,

selanjutnya," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menurutnya, kesalahan yang dibuat pengeksport tersebut tanpa mengambil kira kepertanian menggunakan logo halal yang sepatutnya memberi masalah kepada peneruna di negara ini.

"Adakalanya pengimport tidak tahu bagaimana produk atau pembungkusan produk yang akan diterima oleh mereka biarpun membuat pesanan produk yang betul.

"Maqis mempunyai maklumat berhubung status pengeksport (terbabit) dari senarai

pengeksport sah, loji dan alamat penyembelihan yang diiktiraf daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia" ujarnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Mengulas lanjut, Zarina berkata, penggunaan logo yang mengeluar akan disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mana-mana orang yang mem-brikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran

pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

Jelasnya, jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar, serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan," jelasnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2021	HARIAN METRO	LOKAL	2



ANGGOTA penguat kuasa Maqis memeriksa daging kerbau sejuk beku yang dirampas.

**GUNA LOGO HALAL TAK DIKTIRAF**

# DAGING KERBAU RAGU RM4.3J DIRAMPAS

Oleh Nur Izzati Mohamad  
am@hmetro.com.my

**Butterworth**

**L**ebih 355 tan daging kerbau sejuk beku dari India bernilai hampir RM4.3 juta dirampas selepas didapati menggunakan logo halal mengelirukan. Rampasan dibuat

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang selepas melakukan pemeriksaan rutin di Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini, pada Isnin lalu hingga jam 12 tengah hari kelmarin.

Pengarah Maqis negeri Zarina Ramli



*Semua 12 kontena itu membawa daging kerbau sejuk beku seberat 335,914kg dan barangan dirampas untuk siasatan"*

Zarina

berkata, pihaknya mendapati terdapat 12 kontena membawa daging sejuk beku itu masuk ke pelabuhan, tetapi pemeriksaan mendapati ia menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf pihak berkuasa negara ini. "Semua 12 kontena itu membawa daging kerbau sejuk beku

seberat 335,914 kilogram (kg) dan barangan dirampas untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurutnya, kes itu dlasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000

atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian," katanya.

DAGING kerbau sejuk beku yang dirampas di dalam 12 kontena dirampas di NBCT.



NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL

# MAQIS SEIZES RM4.2M FROZEN BUFFALO MEAT

Agency says consignment in 12 containers from India had confusing halal logo.

AUDREY DERMAWAN  
BUTTERWORTH  
audreymd@nst.com.my

**T**HE Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 17,370 boxes of frozen boneless buffalo meat, with confusing halal logo, at the North Butterworth Container Terminal here.

The raids were made between Monday and yesterday.

State Maqis director Zarina Ramli said checks on the consignment from India showed that the halal logo used was not acknowledged by the Malaysian authority. She said the seizures involved

five containers on Monday, six on Tuesday and one yesterday.

"The consignment in the 12 containers, weighing 335,914kg and worth RM4,277,912.38, had been detained by Maqis personnel for further action.

"The use of confusing halal logo will be investigated under Section 13 of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728). The offence carries a fine of not more than RM50,000 or a jail term not exceeding two years or both upon conviction."

Zarina said Maqis viewed seriously the issue of food safety, disease control and risk of pest entry, which could affect the agriculture industry.



Zarina Ramli



Malaysian Quarantine and Inspection Services Department personnel with the seized buffalo meat at the North Butterworth Container Terminal yesterday. PIC COURTESY OF MAQIS

## Draf Prosedur FHCB 2021 dibuka untuk ulasan awam

**Kuala Lumpur:** Orang ramai di alih-alukan memberi ulasan awam dalam Draf Prosedur Pengiktirafan Badan Pensijilan Halal Luar Negara Malaysia (FHCB) 2021 bermula semalam hingga 1 Mac depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata draf itu bertujuan memperkemas prosedur pada masa hadapan serta memperkukuhkan pensijilan halal.

"Justeru, prosedur ini akan dibuka untuk ulasan awam sehingga 1 Mac ini dan akan dimasukkan dalam portal [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my) sekali gus membolehkan pihak berkepentingan seperti badan pensijilan halal luar negara atau kedutaan asing untuk memberi ulasan dan pandangan," katanya.

Terlebih dahulu, Zulkifli memuat naik gambar perbincangan secara maya di antara beliau dengan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Andrew Golezdzinowski di Twitternya.

Dalam ciapannya, beliau menyatakan, kedua-dua negara bersejutu mengukuhkan platform kerjasama untuk industri halal.

"Perbincangan juga mengenai khatan untuk bayi perempuan, perkahwinan kanak-kanak dan hak asasi golongan lesbian, gay, bisexsual, transgender dan pelik (LGBTQ)," katanya.

# Salahuddin sedia beri kerjasama, lapor SPRM

## Bekas menteri gesa PM syor segera tubuh RCI berhubung isu kartel daging

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Salahuddin Ayub, bersedia membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pendedahan mengenai syarikat kartel daging sebelum ini.

Salahuddin yang juga bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), berkata pihaknya sedia memberikan kerjasama kepada SPRM kerana ia membabitkan isu serius.

"Saya tidak kisah untuk membuat laporan dan akan pergi ke SPRM, tiada masalah mengenainya, mungkin minggu depan (buat laporan) selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

"Ini menunjukkan saya memandang serius berhubung perkara ini," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.



Keratan akhbar BH, Selasa lalu.

Sebelum ini, Salahuddin yang pernah memimpin MOA selepas Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan pada Mei 2018, mendedahkan beliau pernah ditawarkan percutian mewah ke Eropah oleh individu dipercayai mewakili syarikat kartel di pejabat baru beberapa bulan dilantik ke jawatan berkenaan.

Beliau mendakwa didatangi wakil syarikat kartel di pejabat yang menawarkan percutian kelas pertama di Eropah, namun menolak tawaran tersebut.

Difahamkan, tindakan kartel itu dipercayai bagi memastikan syarikat mereka menjadi 'pilihan' utama Kementerian untuk urusan membawa masuk bekalan daging sejuk beku ke negara ini.

Pada masa sama, Salahuddin berkata, pihaknya menggesa Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri mengesyorkan segera penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung isu kartel daging ini.

Beliau berkata, pihaknya sendiri sedia bekerjasama melalui

**Saya tidak kisah untuk membuat laporan dan akan pergi ke SPRM, tiada masalah mengenainya, mungkin minggu depan selepas sambutan Tahun Baharu Cina.**

Salahuddin Ayub,  
Timbalan Presiden AMANAH

RCI itu kerana ia penting berikutan membabitkan kepentingan pengguna khususnya umat Islam di negara ini.

"Sepatutnya apabila isu ini dilaporkan dan menjadi pengetahuan umum kerana ia membabitkan kepentingan rakyat dan isu halal, jadi perlu wujudkan RCI.

"Perkara ini bukan kecil bagi saya kerana ia membabitkan keselamatan makanan di negara ini, justeru saya akan terus menggesa supaya RCI ditubuhkan," katanya.

# Lebih 335 tan daging kerbau dari India dirampas

**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 335 tan daging kerbau sejuk beku dari India bernilai RM4.3 juta yang dikesan menggunakan logo halal tidak diiktiraf.

Semua produk berkenaan dirampas dalam siri pemeriksaan sejak Isnin hingga kelmarin di Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT), di sini.

Sepasukan penguat kuasa MAQIS negeri mengadakan pemeriksaan rutin dari jam 5.30 petang Isnin lalu hingga 12 tengah hari kelmarin, sebelum mendapati 12 kontena yang membawa barangan daging sejuk beku masuk ke pelabuhan berkenaan.

Pengarah MAQIS negeri, Zarina Ramli, berkata hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan dagangan terbabit menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa negara ini.

"Pemeriksaan kita mendapati 12 kontena itu membawa daging kerbau sejuk beku seberat 335.914 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai hampir RM4.3 juta," katanya

dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, semua barang dagangan berkenaan dirampas untuk siasatan lanjut memandangkan penggunaan logo halal yang tidak diiktiraf.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)

"Dalam seksyen ini, mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali," katanya.

MAQIS bertanggungjawab memeriksa keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma diimport negara bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan kerajaan.



Pegawai MAQIS Pulau Pinang memeriksa kontena yang mengandungi daging kerbau sejuk beku dari India di Terminal Kontena Utara Butterworth. (Foto Ihsan MAQIS)

HASIL tanaman lebih segar selepas menggunakan kompos.



Boleh hasilkan sendiri hasil lebihan sisa makanan di rumah

“

Pengurangan penggunaan baja kimia, sekali gus mengurangkan pencemaran udara, air dan tanah secara tidak langsung.”

## Baja kompos lebih praktikal, selamatkan alam sekitar

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**  
intan.suhana@mediamula.com.my

**S**ETIAP hari pasti ada lebihan makanan di rumah, bukan? Daripada dibuang begitu sahaja lebih baik dimanfaatkan menjadi kompos. Bukan sahaja berguna untuk diri sendiri, malah membantu alam sekitar.

Menurut Ketua Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Susilawati Kasim, kompos mampu mengurangkan pencemaran alam sekitar melalui penyerapan logam



**SUSILAWATI KASIM**

berat.

Selain itu, penggunaan kompos boleh mengurangkan penggunaan baja kimia di

kawasan pertanian.

Kajian turut menunjukkan 60-80 peratus baja kimia akan mampu dikurangkan dengan penggunaan bahan organik ini. Pengurangan penggunaan baja kimia, sekali gus mengurangkan pencemaran udara, air dan tanah secara tidak langsung.

Bukan itu sahaja, alternatif ini turut menggalakkan pertumbuhan tanaman selain menghasilkan produk pertanian yang berkualiti.

Nutrisi makanan seperti kandungan serat, vitamin dan mineral boleh ditingkatkan dengan penggunaan yang betul.

“Kompos biasanya mengandungi asid humik

yang tinggi yang penting untuk menyokong pertumbuhan tanaman secara menyeluruh. Asid humik membantu di dalam pertumbuhan akar dan pucuk,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Oleh itu, bagi mereka yang gemarkan pertanian atau baru mahu menjinakkan diri dalam bidang ini bolehlah mencuba membuat kompos sendiri. Mudah saja!

### PERKARA PENTING SEBELUM PENGKOMPOSAN

Namun, sebelum melakukan pengkomposan ada beberapa penting



**Nutrisi makanan seperti kandungan serat, vitamin dan mineral boleh ditingkatkan dengan penggunaan yang betul."**

yang perlu diketahui dan dilakukan. Antaranya ialah:

■ Mengasing sisa organik dan sisa bukan organik. Ini akan membantu di dalam proses penghasilan kompos yang berkualiti.

Jika tidak diasingkan di peringkat awal, agak sukar untuk menjalankan proses pengkomposan dengan berkesan disebabkan oleh adanya bahan yang tidak dapat digunakan oleh mikroba untuk menjalankan proses berkenaan.

■ Sebaiknya bahan yang ingin digunakan untuk penghasilan kompos ini terus dimasukkan ke dalam tong penghasilan kompos dan tidak dibiarkan sehingga berbau atau rosak kerana ini akan menjejaskan proses pengkomposan itu sendiri.

■ Kurangkan atau elakkan penggunaan bahan-bahan yang mempunyai kandungan protein tinggi bagi mengelakkan masalah lalat serta bau yang kurang menyenangkan.

Namun, jika ada bahan-bahan ini di dalam sisa makanan, campuran bahan yang tinggi kandungan karbon seperti sisa daun kering, habuk kayu dan lain-lain adalah diperlukan.

## Bahan dan peralatan yang diperlukan

1. Tong yang bertutup, tidak kedap udara atau yang mempunyai pengudaraan.
2. Bahan yang tinggi kandungan karbon seperti habuk kayu, jerahi padi, dan lain-lain. Tujuannya untuk menstabilkan kandungan air dalam sisa makanan selain menggalakkan proses pengkomposan berlaku secara optimum.
3. Penambahan mikroba seperti Mikroorganisma Efektif (EM) akan membantu.

## Langkah melakukan kompos

1. Masukkan bahan yang tinggi kandungan karbon seperti habuk kayu sebagai asas dalam tong yang mempunyai pengudaraan baik. Ia penting untuk mempertingkatkan aktiviti mikroba baik semasa proses penghasilan kompos. Sebaiknya 1/3 daripada kandungan bahan di dalam tong perlu diisi dengan bahan ini.
2. Kemudian masukkan sisa makanan/sisa dapur. Bahan

yang bersaiz besar perlu dikesilkan bagi memudahkan mikroba menjalankan fungsinya.

3. Gaulkan campuran kesemua bahan hingga sekata.
4. Sembur dengan larutan yang mengandungi mikroba baik supaya sentiasa lembap untuk membantu proses pengkomposan.
5. Campurkan sisa bahan makanan sehingga kapasiti tong penuh.



**HASIL** tani juga lebih berkualiti dengan penggunaan baja kompos. - GAMBAR HIASAN



**PENGUNAAN** baja kompos boleh mengurangkan penggunaan baja kimia sekali gus lebih selamat untuk pengguna. - GAMBAR HIASAN

12/2/2021

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

10

# Pesawah Perlis rugi RM360 juta

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Dianggarkan 30,000 tan metrik hasil padi merosot dengan pesawah di negeri ini mengalami kerugian mencecah RM36 juta setahun berikutan pelbagai jenis penyakit khususnya padi angin dan bena perang.

Masalah yang dikesan berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu itu menyebabkan hasil padi merosot dalam tempoh tersebut sehingga 300,000 tan metrik dengan anggaran kerugian mencecah RM360 juta.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Eksekutif Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Mubai-zie Marzuki berkata, berikutan masalah tersebut, pesawah yang sebelum ini mampu menghasilkan enam hingga tujuh tan metrik padi bagi kawasan seluas satu hektar, kini hanya tinggal sekitar lima tan metrik iaitu kemerosotan sehingga 15 peratus.

Katanya, kawalan serta pemantauan lebih awal perlu dilakukan pesawah bagi mengelak masalah tersebut lebih buruk.

Jelas beliau, punca masalah padi angin disebabkan benih tidak berkualiti serta amalan tabur benih padi secara terus.

Bagi mengelak bena perang pula, Ezreen Mubai-zie berkata, pesawah perlu memainkan peranan dengan melakukan pemantauan tanaman sejak awal.

"Umur padi dalam tempoh 35 ke 55 hari sepatutnya sudah perlu melalui proses meracun dan jangan tunggu padi sudah



**HASIL** padi merosot di Perlis dianggarkan sehingga 30,000 tan metrik dengan kerugian mencecah RM36 juta setahun berikutan pelbagai jenis penyakit khususnya padi angin dan bena perang. Pemandangan dari udara kerja-kerja menuai padi di Guar Sanji, Arau, Perlis. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

70 hingga 90 hari baru mula meracun. Sesuatu penyakit perlu dicegah lebih awal.

"Selalunya umur padi 30 hari bena perang sudah mula berumah pada tanaman, jadi kita perlu mencegah lebih awal dengan meracun. Sifat pemusnah bena perang akan mula nampak apabila padi berusia 60 hari ke atas dan pada masa itu, sudah tidak boleh buat apa lagi.

"Pesawah sering mengabaikan

jadual racun sehingga menyebabkan bena perang merebak. Pesawah perlu ambil perhatian dan penggunaan racun perlu ikut kesesuaian iaitu apabila bena perang tidak mati, kita perlu mencuba racun lain yang ada bahan teraktif berbeza untuk melihat keberkesanan," katanya.

Jelasnya, proses menanam padi bukannya mudah kerana pesawah perlu menanggung

pelbagai risiko khususnya berkaitan penyakit.

Katanya, kerajaan juga perlu memainkan peranan dalam usaha memperkasakan para petani ini.

"Kos pesawah menanam padi bagi kawasan seluas satu hektar dianggarkan sebanyak RM4,700 dan apabila menuai mereka mampu mendapat hasil sekitar RM8,000 iaitu keuntungan sekitar RM3,300.

"Daripada asasnya, pendapatan para petani ini tidaklah banyak namun dalam masa sama perlu menanggung risiko tinggi.

"Jadi, kerajaan perlu mempertimbangkan menaikkan harga subsidi jualan padi daripada RM360 satu tan metrik kepada RM500. Dengan jumlah tersebut, baru petani berani mencuba input-input pertanian lebih berkualiti bagi memberi hasil yang lebih baik," katanya.



**ZAMZURI** Ishak kecewa melihat hasil padi yang merosot sehingga 50 peratus musim ini di Guar Sanji, Arau, Perlis. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

## Hasil merosot 50 peratus

**ARAU:** Lazimnya musim menuai menjadi waktu paling bermakna buat pesawah selepas beberapa bulan membanting tulang mengusahakan tanaman padi.

Namun selepas melihat hasil yang merosot sehingga 50 peratus musim ini, menyebabkan mereka hampa khususnya dalam keadaan ekonomi serba mencabar berikutan Covid-19.

Difahamkan kemerosotan hasil padi itu berpunca daripada serangan penyakit bena perang dan padi angin.

Malah kelewatan pembekalan benih padi serta tidak berkualiti, dikatakan menjadi antara punca masalah tersebut.

Pesawah, Zamzuri Ishak, 37, berkata, selalunya dia memperoleh hasil sebanyak 35 tan

metrik namun musim ini hanya sekitar 25 tan metrik membabitkan kawasan seluas lima hektar di Guar Sanji.

Berikutan itu dia mengalami kerugian sehingga RM15,000 ekoran hasil yang merosot sehingga 10 tan metrik.

"Banyak padi terkena penyakit seperti bena perang dan padi angin. Antara puncanya disebabkan kelewatan benih musim lepas. Sepatutnya penanaman padi sekitar hujung September namun pertengahan Oktober baru mula tanam.

"Boleh dikatakan semua hasil pesawah merosot sebab masalah ini. Ada hasil merosot 50 peratus atau lebih disebabkan bena perang. Ia secara tidak langsung menjejaskan modal

kami untuk tanaman musim depan pada April," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Zamzuri berharap pembekalan benih pada musim akan datang tidak lewat kerana boleh memberi kesan kepada pesawah.

Seorang lagi pesawah, Fauzi Mustafa, 34, pula berkata, masalah padi angin dan bena perang sering kali menghantui setiap kali musim menuai.

"Setiap tahun, kita melihat masalah ini sering kali berulang dan pesawah terpaksa menanggung kerugian yang banyak. Apabila tiba musim penanaman padi, kelewatan benih pula menjadi masalah. Saya harap, masalah ini tidak berulang lagi pada musim depan," katanya.